

04/07/2000

Labuan jadi mutiara Laut China Selatan

Lichong Angkui

SIDANG akhbar Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA), Datuk Mustapa Mohamed, di Ujana Kewangan Labuan, Sabtu lalu, membongkar rahsia pembangunan dan agenda besar Kerajaan Persekutuan memajukan pulau itu yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1984.

Pelan transformasi itu menggariskan secara menyeluruh pembangunan Labuan yang meliputi semua sektor ekonomi. Ia adalah kesinambungan daripada perancangan terdahulu yang sudah pun menampakkan hasil hari ini.

Kebanyakan projek pembangunan sedang dalam beberapa peringkat pelaksanaan tetapi Mustapa dalam sidang akhbar itu menjanjikan sebuah 'Labuan baru' dapat dilihat menjelang akhir tahun ini.

Ini kerana agendanya bukan setakat mempromosikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IODC) dan pusat kecemerlangan pendidikan serantau tetapi juga sebagai pusat persidangan antarabangsa dan lebih penting, destinasi pelancongan terkenal dunia.

Perancangan dilakukan bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Labuan pulau tercantik dunia selaras dengan gelarannya sebagai 'Mutiara Laut China Selatan'.

Pulau Labuan, dengan kira-kira 75,000 penduduk, yang terletak dalam lingkungan strategik rantau Asia Tenggara, mempunyai potensi tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi.

Kalau dulu ia sekadar dikenali sebagai pelabuhan bebas cukai dan pangkalan perniagaan tukar barang (barter-trade), kini ia menjadi tumpuan pelabur asing dari seluruh dunia.

Ia berjaya dilakukan kerana Labuan dilengkapi kemudahan asas canggih, daripada lapangan terbang menggunakan 'aerobridge' hinggalah kepada telekomunikasi bertaraf dunia.

Bekalan elektrik dan air sudah meliputi 98 peratus kawasan pulau yang berkeluasan 92 kilometer persegi itu.

Bagi tujuan pelancongan saja, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi menyediakan lanskap mencantikkan Pulau Labuan, termasuk menanam pokok, taman, siar kaki dan lampu jalan.

Mustapa yang juga Penasihat Kementerian Kewangan berkata: "Kita yakin semua perancangan ini akan dapat dilihat hasilnya menjelang akhir tahun ini.

"Keyakinan ini berdasarkan saya mendapat kerjasama erat dari kalangan pegawai yang menunjukkan semangat tinggi membangunkan Labuan."

Bagi menyelaras agenda pembangunan itu, katanya, kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan Pembangunan Labuan (Mapel) yang dilancarkan pada 8 April lalu dengan fungsinya antara lain menjadi pemangkin pembangunan Labuan secara keseluruhannya.

Sebagai Pengerusi Mapel, Mustapa yakin majlis berkenaan yang menggabungkan sektor awam dan swasta akan beroleh kejayaan dalam membawa pembangunan semua bidang, termasuk pelancongan, ekonomi dan infrastruktur.

Hakikatnya, penubuhan Mapel adalah bukti komitmen Kerajaan Pusat membangunkan Labuan. Selain Mustapa sebagai pengerusi, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, dilantik selaku timbalan pengerusi.

Mapel dianggotai 51 ahli mewakili sektor awam, pertubuhan politik, dewan perniagaan, persatuan bank, jabatan kerajaan dan swasta.

Optimistik dengan kegiatan ekonomi Labuan yang akan mengalami lonjakan baru menjelang akhir tahun ini, Mustapa mengajak semua pihak menggembleng usaha menjayakan agenda yang digariskan kerajaan.

"Percayalah... dengan perancangan yang dibuat kerajaan, kita menjanjikan masa depan Labuan yang lebih baik," katanya.

Ditanya apakah wawasannya sebagai Pengerusi LDA, Mustapa yang mengambil alih jawatan itu daripada Tun Daim Zainuddin sejak 15 Mac lalu berkata beliau akan meneruskan harapan yang digariskan sebelum ini.

"Wawasan adalah halatuju pembangunan. Kita akan menentukan ia tercapai sebagaimana dirancangkan," katanya.

Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Datuk Iskandar Dzulkarnain, yang ditemui ketika melawat projek pengindahan hadap air di Jalan Tanjung Purun, berkata sejumlah besar peruntukan sudah dibelanjakan untuk membangunkan Labuan sejak beberapa tahun lalu.

Bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), Labuan memohon sejumlah RM1.3 bilion peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berbanding RM1 bilion yang diperuntukkan pada Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Beliau berjanji menimbangkan permohonan yang difikirkan bersesuaian dan dapat menjana pertumbuhan ekonomi Labuan.

Projek hadap air yang meliputi kawasan seluas kira-kira 2.3 hektar itu adalah antara yang diberi keutamaan dan sejumlah RM21.5 juta diperuntukkan. Berdasarkan taklimat yang diberikan oleh pemaaju, projek berkenaan akan siap menjelang akhir tahun ini.

Iskandar yang sememangnya biasa dengan Pulau Labuan kerana sebelum ini pernah menjadi anggota lembaga pembangunannya berkata, pulau berkenaan sememangnya berpotensi maju kerana sudah dilengkapi pelbagai kemudahan canggih yang merupakan prasyarat kemasukan pelabur.

"Pelancongan adalah produk yang amat besar potensinya di Labuan. Ia bukan saja kaya dengan pelbagai khazanah dasar laut dan destinasi pelancongan tetapi juga banyak kesan peninggalan sejarah," katanya.

Pengurus Kanan Bahagian Perancangan dan Penyelarasan LDA, Md Isa Ja'afar, pula berkata perancangan yang dibuat untuk Labuan mengambil kira keperluan jangka panjang - meliputi semua sektor ekonomi.

Menurutnya, selain projek pelancongan, sektor perindustrian turut diberi penekanan kerana ia antara yang dikenal pasti mampu menjadi penjana pertumbuhan ekonomi Labuan.

Sehingga kini, satu kawasan seluas 320 hektar, termasuk 100 hektar kawasan tebus guna sudah dimajukan sebagai taman perindustrian dan pelabuhan bersepadu. Pembangunan projek itu yang dianggap sebagai projek mega di Labuan dianggar menelan belanja RM500 juta.

Dengan gagasan pembangunan kerajaan yang menyeluruh serta kemajuan projek yang dilaksanakan, Labuan tidak mustahil menjadi sebuah pulau terkenal di dunia dalam tempoh terdekat ini.

Seperti dijanjikan oleh Mustapa, sebuah Labuan baru akan dapat dilihat menjelang akhir tahun ini - iaitu kira-kira enam bulan dari sekarang.

(END)